

Universiti jangan jadi dinosaur — PM

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 10 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan, universiti sebagai institusi ilmu akan menjadi dinosaur yang mati jika tidak sensitif dan proaktif kepada perubahan dan kehendak negara dan dunia masa kini.

Perdana Menteri berkata, universiti tidak boleh lagi bersifat konservatif dengan menawarkan pengajaran serta latihan dalam bidang ilmu tradisional dengan kepercayaan bahawa seseorang yang boleh menguasai satu ilmu boleh menguasai sendiri semua ilmu dan kecekapan.

[Lagi laporan dan gambar di muka 3]

“Jika demikian sikap universiti, maka mereka akan menjadi dinosaur yang mati kerana sudah tidak sesuai dengan iklim yang berubah di sekelilingnya,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan Kompleks Perdanasiswa di Universiti Malaya, di sini, hari ini.

■Lihat muka 2

Universiti jangan jadi dinosaur — PM

Katanya, cabaran bagi universiti ialah bagaimana institusi pelajaran dapat menyelit dan menyemai nilai-nilai hidup yang mulia dan budaya yang tinggi semasa menyampaikan ilmu pengetahuan yang sesuai dengan masyarakat yang kian canggih dan maju.

“Mungkin ini dibuat melalui tuntutan ilmu kemanusiaan biasa. Sudah tentu sebahagian daripada mahasiswa perlu melalui jalan ini. Tetapi bagi majoriti, pengkhususan dalam ilmu kemanusiaan akan memakan masa yang panjang,” kata Dr. Mahathir.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, kursus ringkas dan etika ringkas dan tepat berkenaan dengan budaya dan elemen-elemen budaya etika manusia yang boleh menyumbang kepada pembentukan peribadi yang mulia perlu dicipta.

Menurutnya, elemen-elemen ini perlu disampaikan kepada semua mahasiswa supaya mereka bukan sahaja terpelajar dalam teknologi, sains dan kejuruteraan, tetapi juga tahu menilai baik buruk pengguna ilmu mereka.

Dr. Mahathir menegaskan, masa depan negara bergantung kepada kualiti mahasiswa hari ini.

Katanya, mahasiswa adalah sumber utama tenaga terpelajar untuk pembangunan negara.

“Tanpa tenaga mahir yang mencukupi dan berkualiti, pembangunan negara kita, khususnya pembangunan ekonomi yang berjalan lancar sekarang ini akan terencat dan menghadapi banyak kesulitan.

“Akibatnya negara kita akan hilang

daya saingan di dunia perniagaan antarabangsa bahkan dalam semua bidang kegiatan antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata, sejauh mana tenaga terpelajar itu sesuai dan berkualiti bergantung kepada pelbagai faktor.

Antara faktor-faktor itu, kata Perdana Menteri ialah mahasiswa mestilah dididik dengan ilmu pengetahuan yang tinggi secara mendalam.

“Mereka juga mesti memilih kursus-kursus yang ada kaitan dengan pengurusan pembangunan negara dan bidang-bidang kemahiran yang diperlukan untuk maksud tersebut,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, berkenaan dengan kedua-dua faktor itu pihak pengurusan universiti perlu memainkan peranan penting dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan kesesuaian kursus-kursus dan pemilihannya di kalangan mahasiswa.

“Universiti sekarang hendaklah sedar dan bertanggungjawab terhadap peranannya sebagai penyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan, semanganya tugas utama universiti-universiti di Malaysia ialah menyediakan ilmu yang relevan di pasaran tenaga manusia, khususnya ilmu sains dan teknologi.

“Tetapi tidak kurang pentingnya juga ialah tugas universiti untuk melahirkan siswazah yang lengkap di segi psikologi dan mentaliti dengan berbudaya yang sesuai dengan pembangunan negara yang pesat serta masalah-masalah sosial yang menyertainya,” katanya.